

Patuh arahan pindah

PUTRAJAYA: "Apabila diminta berpindah, kena akur. Jangan degil tak nak tinggalkan rumah, kata sayang, pentingkan keselamatan nyawa dulu," kata Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Datuk Norani Mohd Hashim mengulas langkah keselamatan pada musim tengkujuh yang mula melanda beberapa negeri.

Menurutnya, penduduk perlu faham arahan berpindah dikeluarkan pihak berkuasa biasanya dibuat selepas mendapati kawasan didiami tidak lagi selamat dan ketika itu tindakan terbaik yang perlu dilakukan adalah berpindah dengan segera.

"Kena ikut arahan, ia penting demi keselamatan nyawa diri sendiri dan keluarga," katanya.